

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 1 MAC 2015 (AHAD)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|------------------|---------------|
| 1 | Bumi makin panas | Berita Harian |

BUMI MAKIN PANAS

» Panel iklim PBB dapati suhu dunia melonjak angkara manusia

Oleh Rashidah Ilimi Abd Rahim
rashidah@bhh.com.my

Orang ramai semakin resah dengan cuaca panas melampau dan suhu tinggi apabila panahan terik matahari dikuatiri boleh menjejaskan aktiviti seharian, terutama membabitkan pertanian dan ternakan serta kemungkinan mengundang kebakaran hutan dan sebagainya.

Negara pernah mencatat suhu tertinggi iaitu 40.1 darjah Celsius di Chuping, Perlis pada tahun 1998, sehingga menyebabkan kemarau panjang di sebahagian kawasan di negara ini manakala suhu kedua tertinggi, iaitu 38.9 Celsius dicatatkan di kawasan sama pada 18 Mei tahun lalu.

Pada 21 Februari baru-baru ini, kawasan yang sama masih mencatat suhu agak tinggi, iaitu 35.9 darjah Celsius manakala Alor Setar, Kedah di tempat kedua dengan catatan 34.9 darjah Celsius.

Cuaca panas terik yang melanda negara ketika ini berlaku disebabkan fenomena ekuinoks selain peringkat akhir Monsun Timur Laut, iaitu keadaan cuaca yang lebih kering, terutama di utara Semenanjung dan dijangka berterusan sehingga pertengahan Mac ini.

Kajian iklim PBB

Walaupun Jabatan Meteorologi menyifatkannya fenomena biasa, ia tidak seharusnya dipandang remeh kerana pada cuaca suhu tinggi dan kering, kebakaran sama ada di kawasan hutan, kawasan lapang atau sebagainya mudah berlaku jika tiada kawalan dan menyebabkan masalah lain.

Bagaimanapun, petanda buruk terhadap suhu cuaca panas seperti kemarau panjang pada ketika ini belum dapat dilihat dengan jelas kerana perubahan cuaca melampau sejak kebelakangan ini.

Lebih membimbangkan, panel iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melaporkan bahawa dunia akan menjadi semakin panas, manakala suhu Bumi dijangka meningkat sehingga 4.8 darjah Celsius pada abad ini.

Panel berkenaan juga menegaskan bahawa gelombang panas, banjir dan paras air laut yang meningkat adalah antara ancaman yang semakin kerap melanda dengan 95 peratus panel berkenaan yakin bahawa manusia adalah punca pemanasan global berdasarkan pemerhatian sejak 60 tahun lalu.

Cuaca masih terkawal

Pensyarah Jabatan Geografi Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah, berkata cuaca panas

terik yang melanda negara ketika ini masih berada di tahap terkawal dan tidak membahayakan tetapi orang ramai dinasihatkan jangan berjemur serta melakukan terlalu banyak kegiatan luar.

Katanya, tiada yang istimewa pada hari berkenaan, selain cuaca lebih panas dan matahari berada tepat di atas kepala menyebabkan kita tidak nampak bayang-bayang sendiri jika berdiri di tengah panas.

Dr Azizan berkata perubahan suhu yang melampau berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini bukan hanya disebabkan fenomena perubahan iklim malah juga berlaku akibat pelbagai faktor lain seperti aktiviti manusia.

"Banyak faktor lain menyumbang kepada pemanasan global yang berlaku di kebanyakan bahagian dunia. Misalnya, kemusnahan hutan yang diteroka tanpa mengambil kira pembangunan mapan disebabkan aktiviti manusia.

"Kemusnahan hutan, iaitu perubahan guna tanah, pembakaran bahan fosil dan juga peningkatan gas karbon dioksida sekali gus banyak menyumbang kepada pemanasan global. Pembangunan yang tidak mengambil kira mengenai alam sekitar akan mengganggu sistem saliran serta ekosistem sesuatu kawasan," katanya.

Galak tanam pokok

Justeru, Dr Azizan menyarankan supaya lebih banyak kawasan ditanam dengan pokok serta kawasan hutan simpan dan tadahan hujan dijaga supaya suhu tempatan dapat dikurangkan.

"Proses evapotranspirasi oleh tumbuhan boleh bertindak membantu menyederhanakan suhu. Selain tumbuhan, awan juga memainkan peranan penting dalam mengawal suhu.

"Liputan awan di Malaysia yang berkurangan sejak akhir-akhir ini banyak menyumbang kepada peningkatan suhu. Awan penting kerana bertindak melindungi ruang angkasa dan permukaan bumi daripada mendapat sinaran matahari secara berterusan," katanya.

40.1° CELSIUS

SUHU TERTINGGI YANG PERNAH DICATATKAN DI CHUPING, PERLIS

4.8° CELSIUS

SUHU BUMI YANG DIJANGKA MENINGKAT PADA ABAD INI

SINARAN DISERAP
Bumi serap sinaran dari matahari

SAMBUNGAN...
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 19
TARIKH: 1 MAC 2015 (AHAD)

EKUINOKS

- Putaran bumi mengelilingi matahari dan menerima cahaya matahari lebih panjang berbanding kadar biasa (di khatulistiwa) iaitu 12 jam.
- Keadaan matahari berada tepat di atas garisan khatulistiwa.
- Berlaku dua kali setiap tahun disebabkan bumi berputar pada sudut 23.50.
- Matahari akan berada betul-betul di garisan khatulistiwa.



CARA HENTIKAN PEMANASAN GLOBAL

- Tukar lampu. Tukar lampu mentol biasa kepada lampu 'flourescent' yang membolehkan anda mengurangkan 150 paun karbon dioksida setahun.
- Kurang memandu. Tukar kepada berjalan, menunggang basikal, berkongsi kenderaan atau menggunakan pengangkutan awam. Anda menjimatkan karbon dioksida bagi setiap kilometer yang anda tidak memandu.
- Kitar semula. Anda boleh mengurangkan 2,400 paun karbon dioksida bagi setiap kitar semula yang anda lakukan daripada bahan buangan di rumah.
- Periksa tayar. Pastikan tayar anda cukup angin kerana ia boleh jimat minyak lebih tiga peratus. Setiap pengurangan minyak boleh membuang 20 paun karbon dioksida dari udara.
- Kurang gunakan air panas. Banyak tenaga diperlukan untuk menghasilkan air panas. Jika anda menggunakan air sejuk atau suam untuk membasuh pakaian, anda menjimatkan 500 paun wap panas setahun.
- Elak produk menggunakan pembungkusan. Anda boleh menjimatkan 1,200 paun jika mengurangkan pembungkusan sampah kepada 10 peratus.
- Kawal suhu. Elak gunakan alat mengawal suhu panas terutama ketika musim sejuk. Anda menjimatkan kira-kira 2,000 paun karbon dioksida melalui kepintaran mengawal suhu.
- Tanam pokok. Sebatah pokok boleh menyerap satu tan karbon dioksida sepanjang hidupnya.
- Tutup penggunaan alat elektronik. Tutup televisyen, pemain DVD, stereo dan komputer apabila anda tidak menggunakan kemudahan itu. Ini dapat menjimatkan beribu-ribu paun karbon dioksida setiap tahun.

PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU

- Peningkatan karbon dioksida dan gas rumah hijau menyumbang kepada perubahan iklim.
- China dan Amerika Syarikat menyumbang kira-kira 40 peratus pelepasan gas rumah hijau global.
- Saintis meramalkan suhu bumi boleh meningkat enam darjah Celsius dalam tempoh seabad.
- Di Malaysia pengeluaran gas rumah hijau tidak sampai satu peratus.

PANTULAN SINARAN
Gas rumah hijau menyerap beberapa radiasi keluar

GAS RUMAH HIJAU
Gas rumah hijau memancarkan sinaran diserap. Memanaskan bumi dan atmosfera



PEMBAKARAN TERBUKA

- Cuaca panas dan kering akan mempercepatkan kebakaran.
- Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengesan lebih 5,000 kes pembakaran terbuka di seluruh negara tahun lalu.
- Kebanyakan kes membabitkan kawasan hutan, pertanian, industri, pembinaan, tapak pelupusan sampah, belukar serta lain-lain pembakaran terbuka kecil.
- 30 aduan kes kebakaran sehari membabitkan pembakaran terbuka, kebakaran hutan diterima sejak awal bulan Februari.



5,000 KES
PEMBAKARAN TERBUKA BERLAKU YANG DIKESAN TAHUN LALU

PERUBAHAN MONSUN TIMUR LAUT

- Penghujung Monsun Timur Laut yang menyebabkan kebanyakan kawasan kurang menerima hujan dalam tempoh panjang.
- Menyebabkan cuaca panas dan kering.

SOLSTIS MUSIM PANAS (21 JUN)

- Berlaku musim panas di Hemisfera Utara.
- Menyebabkan siang lebih panjang dan waktu malamnya lebih pendek.
- Hemisfera Selatan mengalami musim sejuk dan ini menyebabkan siang lebih pendek dan malamnya lebih panjang.
- Kawasan di utara Garisan Artik mengalami 24 jam siang, manakala kawasan di selatan Garisan Antartik mengalami 24 jam malam.

PEMBAKARAN TERBUKA

- Meningkatkan jumlah pengeluaran karbon dioksida di atmosfera.
- Pelbagai pihak mencari jalan mengurangkan pemanasan global termasuk menghasilkan biomass sebagai sumber tenaga diperbaharui.
- Biomass adalah bahan biologiikal yang terhasil daripada organisma hidup yang lazimnya bahan berasaskan pertanian, sayuran dan haiwan digunakan.
- Konsep Pekan Biomass sudah lama diadaptasikan di negara maju seperti Jerman dan Jepun.



PENEROKAAN HUTAN

- Semakin banyak pokok ditebang, ia akan meningkatkan jumlah gas karbon dioksida di ruang atmosfera dan udara.
- Menyumbang kepada persekitaran yang sangat panas dan cuaca tidak menentu.
- Kandungan oksigen akan berkurangan.

